

Tiga penyu mati dalam tempoh dua bulan

KUANTAN - Jabatan Perikanan Pahang merekodkan tiga ekor penyu jenis agar mati dalam tempoh dua bulan di sini.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, sampah dan pukat nelayan dipercayai menjadi punca penyu terbabit mati selepas termakan plastik serta tersangkut pada pukat yang dibuang ke dalam laut.

"Saya difahamkan kes pertama berlaku pada Januari lalu apabila bangkai penyu agar ditemui di Kampung Chera-ting dan kelmarin dua bangkai spesies sama dijumpai di Kampung Sungai Ular.

"Pada tahun lalu, sebanyak 13 kematian penyu agar direkodkan dan berharap jumlah itu tidak bertambah sehingga akhir tahun ini," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas penemuan

dua bangkai penyu jenis agar dewasa di pesisir Pantai Sungai Ular yang tular dalam laman sosial Facebook.

Menurutnya, pihaknya memandang serius kes kematian penyu yang berlaku setiap tahun disebabkan kecuai- an pihak tertentu.

"Usaha memupuk kesedaran akan dilakukan secara berterusan bagi memastikan kejadian sama tidak berulang.

"Saya nasihatkan nelayan supaya menggunakan pukat atau jaring saiz mata yang dibenarkan sahaja. Ini bagi mengelakkan reptilia terbabit terperangkap dan mengalami kecederaan seterusnya mati," kata beliau.

Dalam pada itu, Abdullah mahu nelayan mematuhi Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara menangkap Ikan) 1980 dengan tidak menggunakan pukat hanyut bersaiz lebih 10 inci.



Feb 26 at 8:08 AM • 🌐

Angkara penganas berlesen,yg tk berdosa menjadi mangsa...pihak berkuasa hanya bertindak pada nelayan kecil(pantai) tidak pada yg sepatutnya..berminggu bot2 kecil tk kelaut tp ada khazanah laut mati..angkara siapa?..pihak berwajib,fikir2 kan..




FOTO TULAR

